

15/04/2001

Rancang bawa rakyat Indonesia gugat negara (HL)

Rasid Rahaman; Jalal Ali Rahim

GERIK: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mendedahkan, kumpulan reformasi merancang membawa masuk rakyat Indonesia untuk menyertai demonstrasi jalanan secara militan bagi menggugat keselamatan negara.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, polis mempunyai maklumat mengenai hubungan kumpulan reformasi di negara ini dengan golongan tertentu di Indonesia.

"Mereka bukan saja mendapatkan sokongan, malah nasihat daripada individu di negara jiran itu agar datang ke Malaysia dan mengambil bahagian dalam demonstrasi jalanan," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Umno Bahagian Gerik di Dewan Merdeka di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Besar yang juga Ketua Umno bahagian itu, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Abdullah berkata, kerajaan tidak akan membiarkan mereka bebas melakukan apa saja di negara ini dan akan mengambil tindakan tegas.

"Untuk itu, kita akan terus berjaga-jaga jika reformasi secara militan di negara ini membabitkan rakyat asing.

"Kalau itu berlaku, kita akan mengambil tindakan terhadap sesiapa juga yang terbabit dalam kegiatan itu atau pun rakyat Indonesia yang datang untuk mengambil bahagian menggugat keselamatan dalam negara kita," katanya.

Ditanya sama ada rakyat Indonesia terbabit dibayar sejumlah wang untuk datang ke negara ini menyertai reformasi, Abdullah berkata, beliau tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai perkara itu.

"Saya tidak ada maklumat secara detail, mungkin polis ada maklumat itu," katanya.

Mengenai pembabitan seorang ahli perniagaan negara ini yang menyalurkan bantuan dana kepada kumpulan reformasi menerusi Indonesia beliau berkata:

"Itu kena tanya polis. Polis yang tahu benda ini. Bila ada tangkapan nanti, polis akan beritahu saya," katanya.

Mengenai penganjuran demonstrasi jalanan yang dipanggil 'Black 14' termasuk menyerahkan memorandum kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) membantah penahanan tujuh aktivis reformasi, di ibu negara, semalam, beliau berkata, Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, ada di perhimpunan itu bersama kira-kira 1,500 penyokong sehingga tengah hari.

Beliau berkata, angka itu tidak tinggi walaupun mungkin bagi pihak mereka ia cukup besar.

Ditanya jumlah kehadiran penyokong reformasi yang rendah itu disebabkan tindakan tegas kerajaan, Abdullah berkata, mungkin rakyat sudah mendengar nasihat kerajaan supaya tidak membabitkan diri dalam perhimpunan itu.

"Itulah nasihat yang sebaik-baiknya kepada mereka yang terbabit, kalau sekadar hendak hantar memorandum tidak payah ramai.

"Suhakam pun kata juga dalam kenyataan tidak payah ramai," katanya.

Ditanya mengenai tangkapan terbaru aktivis reformasi, beliau berkata, belum ada tangkapan terbaru.

"Belum dengar. Kalau ada nanti (polis) mereka beritahu sayalah," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata, tindakan kerajaan menahan aktivis reformasi mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) adalah semata-mata bagi menjaga kepentingan rakyat supaya mereka tidak menjadi

mangsa golongan yang enggan mematuhi kedaulatan undang-undang negara.

Menurutnya, golongan ini yang menggunakan cara samseng memenuhi kehendak mereka akan menggunakan peraturan samseng yang sudah tentu meletakkan rakyat sentiasa dalam ketakutan.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, kerajaan tahu kumpulan itu pergi ke negara jiran memaklumkan mahu melakukan rusuhan untuk menggulingkan kerajaan.

"Kita tahu mereka sudah pergi ke negara jiran dan memberitahu kawan mereka di sana bahawa mereka juga ingin membuat seperti negara jiran ini, (di mana) jelas sekali rusuhan dilakukan mereka yang tidak bertanggungjawab untuk menggulingkan kerajaan.

"Inilah hasrat mereka yang kononnya menuntut keadilan atau menuntut demokrasi," katanya.

Pada Selasa dan Rabu, polis menahan tujuh aktivis reformasi mengikut ISA kerana merancang membudayakan demonstrasi jalanan dan bertindak secara militan.

Mereka yang ditahan ialah Naib Presiden Keadilan, Chua Tiang Chang; Ketua Pemuda Keadilan, Mohd Ezam Mohd Noor; bekas aktivis pelajar, Hishamuddin Rais; bekas Presiden Pertubuhan Jemaah Islah Malaysia, Saari Sungib; dan Penolong Setiausaha Keadilan, N Gobalakrishnan.

(END)